

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB  
(MACHANG)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 10.06.2015**

**Y.B. DATUK AHMAD JAZLAN BIN YAAKUB [ MACHANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah impak positif yang telah diperoleh oleh Kementerian hasil daripada pengapungan terkawal harga minyak yang telah dilaksanakan sejak Disember lepas.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah melaksanakan mekanisme pengapungan secara terkawal (*managed float*) mulai 1

Disember 2014. Dengan pelaksanaan mekanisme ini, Kerajaan telah mendapat impak positif yang mana peruntukan Kerajaan bagi tujuan subsidi dapat dikurangkan kerana melalui kaedah *managed float* penetapan harga minyak pada setiap bulan adalah dibuat berdasarkan harga sebenar pasaran. Apabila harga ditetapkan mengikut harga sebenar pasaran, tanggungan subsidi (sekiranya ada) akan menjadi minimum berbanding dengan kaedah sebelum ini yang mempunyai jurang perbezaan harga yang amat jauh dan menyebabkan Kerajaan menanggung subsidi yang banyak. Dalam erti kata yang lain, melalui *managed float* Kerajaan dapat merancang dengan lebih cekap peruntukan subsidi yang diperlukan disamping memperuntukkan dana negara ke arah pertumbuhan sektor-sektor penting dalam negara dan prasarana awam.